

07/12/1999

Dua Adun mohon jasa baik speaker

GEORGETOWN, Isnin - Kedua-dua bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Parti Gerakan, Lim Boo Chang dan Lim Chien Aun memohon jasa baik Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk mengizinkan mereka duduk bersama barisan penyokong kerajaan dalam sidang dewan yang bermula 20 Disember ini.

Sehubungan itu, mereka akan menghantar sepucuk surat kepada Datuk Yahaya Abdul Hamid tidak lama lagi untuk menjelaskan permintaan itu.

"Biarpun kami terpaksa meninggalkan Gerakan akibat masalah dalaman, kami tetap penyokong Barisan Nasional (BN).

"Kami juga memenangi pilihan raya yang baru lalu atas tiket BN, jadi biarlah kami diberikan peluang untuk menjadi penyokong BN sehingga tiba masa yang sesuai untuk kami memohon keahlian parti komponen BN yang difikirkan sesuai," kata Lim Boo Chang yang ditemui di majlis angkat sumpah jawatan Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, di Seri Mutiara, pagi ini.

Bagaimanapun, katanya beliau dan Lim Chien Aun, akur dengan pemimpin yang dipilih oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ini kerana Dr Mahathir adalah pemimpin yang saya hormati lebih-lebih lagi beliau berjaya membawa negara ke alaf baru dengan penuh yakin.

"Kami benar-benar yakin tidak meninggalkan BN kerana dengan cara ini, kami berkesempatan untuk memohon menjadi ahli mana-mana parti komponen apabila tiba masanya kelak," kata Lim yang menyifatkan penyertaannya dalam Gerakan kini sudah menjadi sejarah.

Ketika ditanya berhubung khabar angin yang mendakwa bapanya Datuk Lim Ee Heong dan bapa Lim Chien Aun, bekas Ketua Menteri Tun Lim Chong Eu turut mempengaruhi tindakan mereka itu, Boo Chang menjelaskan:

"Sudah terlalu banyak khabar angin seperti ini dan saya tidak mampu untuk memberikan penjelasan kepada semua.

"Tetapi sejak keluar dari Gerakan, saya juga menerima simpati daripada pelbagai pihak, terutama mereka yang mengetahui sumbangan yang diberikan oleh bapa-bapa kami itu," katanya.

(END)